



HUKUMAN DIRINGKANKAN: Perayu (kiri) diiring pegawai penjara semasa berada di lobi kompleks Mahkamah Kuching semalam.

Lelaki bunuh abang terlepas hukuman gantung sampai mati

KUCHING: Seorang lelaki yang disabitkan atas pertuduhan membunuh abangnya menggunakan senapang patah pada 2017 terlepas hukuman gantung sampai mati apabila Mahkamah Persekutuan semalam mengetepikan sabitan berkenaan dan menggantikannya dengan hukuman penjara 35 tahun serta 15 sebatan.

Keputusan sebulat suara itu dibuat oleh panel tiga hakim diketuai Datuk Azizah Nawawi yang juga Hakim Besar Sabah dan Sarawak setelah menerima rayuan Ringgie Ampas, 47.

Azizah yang bersidang bersama Datuk Rhodzariah Bujang dan Datuk Azimah Omar turut mengarahkan hukuman penjara dikuatkuasakan mulai dari tarikh tangkap, 21 Mei 2017.

Semasa prosiding rayuan semalam, perayu menerusi peguam lantikan mahkamah Louis Jarau Patrick memohon pengecualian hukuman mati selaras dengan Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023 (Akta 846), yang memperuntukkan hukuman penjara antara 30 hingga 40 tahun serta sebatan.

Lelaki bunuh abang terlepas hukuman gantung sampai mati

► **Dari Muka 1**

Louis turut mencadangkan hukuman penjara 30 tahun berserta 12 sebatan, sementara pihak responden iaitu Timbalan Pendakwa Raya Mohd Amril Johari mencadangkan tempoh penjara yang lebih tinggi dalam julat yang dibenarkan, iaitu tidak kurang daripada 33 tahun berserta 12 sebatan.

Terdahulu pada 27 Februari 2019, perayu didapati bersalah di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan dan kemudiannya dijatuhi hukuman gantung sampai mati oleh Hakim Mahkamah Tinggi pada ketika itu, Dato' Lee Heng Cheong.

Pada 19 Oktober 2022, perayu membuat rayuan terhadap hukuman tersebut, bagaimanapun Mahkamah Persekutuan mengekalkan hukuman mati perayu.

Mengikut pertuduhan, perayu didakwa membunuh abangnya, Entili Ampas, 44, antara jam 11 dan 11.30 pagi di sebuah rumah panjang di Kampung Sebintik, Sibupada

21 Mei 2017, selepas berlaku pertengkaran di antara kedua-dua mereka.

Entili meninggal dunia di tempat kejadian selepas ditembak oleh perayu dari jarak 100 meter menggunakan senapang patah.

Berdasarkan laporan sebelum ini, mangsa sedang berehat di beranda rumah panjang apabila perayu melepaskan tembakan ke arahnya.

Sebelum kejadian itu, kedua-dua mereka bertengkar apabila perayu cuba menghalang mangsa memukul anak perempuannya.

Perayu kemudian masuk ke bilik dan mengambil selar senapang patah, sebelum melepaskan tembakan ke arah mangsa.

Selepas melepaskan tembakan, perayu menunggang motosikal dan bertindak membuang senapang patah terbabit ke dalam hutan berhampiran rumah panjang.

Pihak polis yang tiba selepas menerima panggilan, mendapati mangsa telah meninggal dunia dan perayu diberkas bagi membantu siasatan.